



28 NOV, 2025

TNB rugi RM5.14 bilion akibat kecurian elektrik

Kosmo, Malaysia



TNB rugi RM5.14 bilion akibat kecurian elektrik



FADILLAH



KUALA LUMPUR – Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengalami kerugian sebanyak RM5.14 bilion sejak tahun 2020 akibat penggunaan elektrik secara haram.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, bekalan elektrik digunakan secara haram untuk aktiviti melombong mata wang kripto dan bitcoin.

“Sebanyak 14,489 premis yang menjalankan aktiviti itu telah diserbu dan diperiksa melalui 91 operasi melibatkan 77 kertas siasatan dibuka (setakat ini),” katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Lim Lip Eng (**PH-Kepong**)

mengenai jumlah kerugian TNB akibat kecurian elektrik.

Fadillah berkata, TNB memperkenalkan kaedah pengesahan identiti menggunakan cap jari dan kad pengenalan (MyKad), data disemak terus menerusi peranti biometrik TNB untuk mengatasi masalah kecurian elektrik serta mengelakkan lebih ramai menjadi mangsa pemalsuan identiti.

Katanya, kaedah baharu itu selamat, menepati piawaian industri dan diguna pakai secara meluas dalam sektor kerajaan, perbankan

dan juga telekomunikasi.

Selain itu, TNB sentiasa memantau penggunaan elektrik yang luar biasa serta gangguan pada meter untuk menangani kecurian elektrik.

Menurutnya, TNB turut bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Cyber Security Malaysia bagi menangani perkara berkenaan.

Tambah beliau, TNB juga sedang merintis penggunaan meter di pencawang untuk mengesan kebocoran bekalan elektrik.